

Program “Kembali Ke Sekolah” Yayasan Wilayah Persekutuan Bantu 84 Orang Murid SK Layang-Layangan



Labuan – Program ‘Kembali Ke Sekolah’ atau juga dikenali sebagai ‘Back To School’ merupakan satu program amal PIBKS yang bertujuan untuk membantu persediaan murid-murid yang kurang berkemampuan untuk kembali ke sekolah.

Program ini memberi tumpuan kepada anak-anak yatim, kanak-kanak yang kurang bernasib baik dan anak-anak golongan yang memerlukan khususnya kepada murid-murid yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Layang-Layangan.

Penyerahan sumbangan telah disampaikan oleh Puan Hajah Dayang Bt Hj Md Yassin, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Layang-Layangan.

Dalam ucapannya, beliau menzahirkan rasa terima kasih kepada Yayasan Wilayah Persekutuan di atas keprihatinan membantu seramai 84 orang murid yang terpilih dalam

menyediakan kelengkapan persekolahan pada pembukaan sesi persekolahan 2019.

“Usaha yang dilakukan oleh pihak Yayasan Wilayah Persekutuan ini adalah bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan dan sedikit sebanyak usaha ini dapat menyemarakkan lagi semangat murid-murid berkenaan untuk hadir ke sekolah.” Puan Hajah Dayang Bt Hj Md Yassin.

Ianya merupakan jumlah penerima yang paling ramai di Wilayah Persekutuan Labuan dan penyediaan kelengkapan beg persekolahan telah membantu meringankan beban perbelanjaan ibu-bapa atau penjaga yang kurang berkemampuan.

Pada pelancaran majlis ini semua guru berpakaian sekolah bagi mengimbau semula alam persekolahan zaman dahulu.



Pelancaran Jom Ke Sekolah dan Program Penyayang Sekolah Kebangsaan Layang-Layangan

Program yang dikendalikan oleh Unit Bimbingan Kaunseling sekolah ini membawa slogan “Datang dengan Harapan Pulang

dengan Kejayaan” telah mencapai matlamatnya kerana program ini disekalikan dengan pengisian watikah perlantikan Pengawas Sekolah sesi persekolahan 2019.

Seramai 65 orang pengawas telah menerima watikah pelantikan yang terdiri daripada Pengawas Sekolah, Pengawas Pusat Sumber, Pengawas Kantin, Ketua Kelas dan Bridget Bestari.

Guru Besar berharap jawatan yang digalas dapat melatih pengawas menjadi pemimpin yang berkesan dan bertanggungjawab serta mempunyai sifat kepimpinan yang diasah sejak dari peringkat awal persekolahan.

Ini sememangnya menjadi titik permulaan yang terbaik untuk melahirkan generasi dan pelapis pemimpin negara sesuai dengan objektif perlantikan iaitu memberi pengiktirafan dan semangat kepada pengawas supaya melakukan tugas yang diamanahkan dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab.

Semoga dengan perlantikan ini, semua pengawas yang telah dilantik dapat menggalas, menyempurnakan tanggungjawab dan menguatkuasakan peraturan sekolah tanpa rasa ragu.

Mereka merupakan pelajar pilihan yang mempunyai ketrampilan dan kecemerlangan baik daripada aspek akademik, sahsiah mahupun kokurikulum, dan merupakan *role model* kepada murid-murid lain.

Berita Oleh : SK Layang-Layangan



Perlantikan Pengawas Sekolah, Pengawas Pusat Sumber, Pengawas Kantin, Ketua Kelas dan Bridget Bestari Sekolah Kebangsaan Layang-Layangan